

10 JUL 1998

Amien-Malaysia

KEADAAN DI M'SIA TAK SAMA DENGAN DI INDONESIA, KATA AMIEN RAIS

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Pemimpin pembangkang paling vokal di Indonesia, Dr Amien Rais berkata situasi di Malaysia tidak sama dengan di Indonesia hingga memerlukan satu reformasi besar-besaran, seperti yang berlaku di Indonesia yang mempunyai lebih 200 juta penduduk itu.

Pemimpin gerakan Muhammadiyah yang mempunyai 28 juta pengikut itu berkata, keadaan kronisme, nepotisme dan rasuah di Malaysia tidak sampai ke tahap "mega" seperti yang berlaku di negaranya.

"Saya bersetuju mungkin ada persamaan (Malaysia dan Indonesia), tetapi dari segi skala dan magnitudnya (kronisme, nepotisme, rasuah), ia berbeza," katanya ketika berucap mengenai "Demokrasi dan Reformasi di Indonesia" pada forum terbuka di Universiti Malaya, di sini.

Amien berkata, dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, perkara itu dikemukakan oleh Dr Mahathir dan "saya bersetuju dengan beliau."

Forum selama dua jam itu dianjurkan oleh Pergerakan Keadilan Sedunia (Just). Ia dihadiri lebih 600 hadirin yang memenuhi ruang dewan kuliah di Fakulti Undang-Undang.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Amien berkata dalam pertemuan selama 40 minit dengan Dr Mahathir di pejabatnya, Perdana Menteri turut menyatakan supaya beliau berhati-hati dengan agenda Barat yang cuba menjatuhkan ekonomi negara-negara Asia Tenggara.

Amien yang juga seorang profesor sains politik di Universiti Gadjad Mada, Jogjakarta, merupakan orang yang bertanggungjawab mengetuai tunjuk perasaan orang ramai sehingga menyebabkan Presiden Suharto meletakkan jawatan pada 21 Mei lepas.

Katanya, bagaimanapun, beliau kurang bersetuju dengan pendapat bahawa isu nepotisme, kronisme dan rasuah merupakan agenda Barat kerana perkara berkenaan serta "penyakit sosial" lain di Indonesia sudah lama timbul dan bukannya dibawa dari Barat.

Amien berkata, perbincangannya dengan Dr Mahathir yang disifatkannya sebagai satu proses pembelajaran, turut meliputi soal ekonomi di Malaysia dan Indonesia.

Beliau turut menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam ucapannya, Amien berkata, keadaan rasuah di Malaysia masih terkawal dan ia terbukti dengan peletakan jawatan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Taib berikutan kes di mahkamah Australia kerana gagal mengisytiharkan wang yang dibawanya.

"Saya fikir menteri kabinet lain akan kasihan kepadanya (Muhammad). Jika di Indonesia, wang sejumlah itu dianggap 'kacang'," katanya.

Mengenai kesan reformasi di Indonesia terhadap Malaysia, beliau berkata, ia boleh membawa kesan buruk dan baik.

"Pada satu-satu tahap ia akan `electrify an impact' di Malaysia.

"Terserah kepada anda jika mahu direformasi, silakan. Jika tidak biarkan saja," katanya.

--BERNAMA

RAZ RI